



**Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa
Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama
Islam Malaysia**

**Keputusan
Muzakarah
& Maqasid
Syariah**

***The Importance of Maqasid Shariah in the Muzakarah
of the National Fatwa Council for Islamic Religious
Affairs Malaysia***

132

AHMAD MURSHIDI MUSTAPHA
(Corresponding Author)

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi Selangor
ahmadmurshidi@kuis.edu.my

Submitted: 31 January 2019
Revised: 1 April 2019
Accepted: 24 April 2019
E-Published: 25 April 2019

ENGKU MUHAMMAD TAJUDDIN ENGKU ALI
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kuala Terengganu, Terengganu
emtajuddin@unisza.edu.my

MOHD KAMARUL KHAIDZIR SAADAN
Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi Selangor
khaidzir@kuis.edu.my

ABSTRAK

Syariah Islam menjaga dan menjamin kepentingan atau *masalah* manusia. Namun begitu, *masalah* manusia adalah berbeza-beza. Oleh kerana itu, *maqasid* juga mempunyai peringkat dan bahagian yang berbeza-beza selaras dengan *masalah* manusia. Antara situasi yang dibahaskan dalam *maqasid* ialah *darurah*. *Darurah* yang dialami dalam sesuatu tuntutan taklif akan memberi kelonggaran bagi hukum '*azimah*. Ini bagi memastikan mukallaf tidak berada dalam kesukaran untuk melaksanakan sesuatu tuntutan. Pertimbangan yang dinilai dalam konteks *darurah* ialah *maqasid shari'ah*, khususnya dalam penjagaan *kulliyat al-khams* iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Di Malaysia, hukum semasa yang diputuskan atas '*illat darurah* akan dikaitkan dengan fatwa kerana fatwa berperanan sebagai penjelas hukum semasa yang berlaku. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada *maqasid syari'ah* melalui elemen *kulliyat al-khams* dalam fatwa yang berkaitan dengan *darurah*. Objektif





yang digariskan ialah mengenalpasti keputusan-keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah* dan seterusnya menganalisis elemen *kulliyat al-khams* dalam keputusan-keputusan tersebut. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan metode penerokaan dengan kaedah pengumpulan data melalui kajian perpustakaan. Data-data kemudiannya dianalisis dengan metode analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *maqasid shari'ah* diambil kira sebagai salah satu pertimbangan dalam mengukur *darurah* yang dialami. Daripada 31 keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah*, elemen *kulliyat al-khams* dinyatakan dengan tepat mengikut kategori. Kajian ini merumuskan bahawa *maqasid shari'ah* perlu dititikberatkan dalam pengeluaran hukum semasa terutama yang melibatkan isu *darurah*. *Darurah* yang dialami perlu dikenalpasti kesannya terhadap elemen *kulliyat al-khams* bagi memastikan keputusan hukum selari dengan *maqasid* yang digariskan dalam syarak.

Kata Kunci: Maqasid Shari'ah, Darurah, Keputusan Muzakarah, Jawatankuasa Muzakarah MKI

ABSTRACT

Islamic law preserves and safeguards public interest (*maslahah*) however, public interest varies. Therefore, the objectives of Islamic law (*maqasid shari'ah*) also comprises different levels and categories to conform to public interest. One of the objectives is the necessity (*darurah*). When a necessity is justified, the leniency will be applied onto the original ruling (*'azimah*). This is to ensure a *mukallaf* is not in a difficult situation to perform an obligation. The deliberation considered in the context of necessity is the objectives of the Islamic law, in particular the preservation of the five elements (*kulliyah al-khams*) that are religion, life, lineage, intellect and wealth. In Malaysia, contemporary legal rulings that are issued based on *'illat darurah* are related to legal verdicts (*fatwa*). This is because a legal verdict serves to substantiate contemporary legal ruling. Hence, this study focuses on the objectives of Islamic law through the elements of *kulliyah al-khams* in legal verdicts related to necessity. The objectives of this study are to identify the muzakarah decisions that relates to necessity and to analyse the elements of *kulliyah al-khams* in those decisions. This qualitative study employs the exploratory method in which data were collected through library research. In analysing the data, the content analysis method was employed. The results of this study reveal that that *maqasid shari'ah* are taken into account in measuring the extent of the *darurah*. Out of the 31 *muzakarah* made in relation to *darurah*, the elements of *kulliyah al-khams* were clearly stated according to the categories. This study concludes that the objectives of Islamic law should be emphasised in issuing contemporary legal ruling particularly the ruling that involves necessity. The reason is that the necessity's effects on the *kulliyah al-khams* should be identified to ensure that legal ruling is in conform to the objectives as outlined in Islamic law.

Keywords: Maqasid Shari'ah, Darurah, Muzakarah Decision, MKI Muzakarah Committee

PENGENALAN

Situasi *darurah*, hajat dan juga keuzuran yang dialami perlu dipertimbangkan dalam menetapkan sesuatu hukum. Hal ini akan memudahkan dan meringankan bebanan taklif sesuai dengan keadaan kemampuan seseorang. Menurut Wahbah (1985), *darurah* ialah situasi bahaya atau kesukaran yang berlaku pada seseorang dengan dibimbangi kebinasaan tersebut pada diri, harta, maruah dan seumpamanya yang membolehkannya melakukan perkara yang dilarang, atau meninggalkan yang wajib, atau menangguhkan pelaksanaannya mengikut *zhannya* yang masih terikat dengan ikatan syarak. Situasi yang dialami oleh seseorang dalam melaksanakan tuntutan agama pada sesetengah keadaan adalah berbeza antara satu sama lain. Dalam keadaan-keadaan tertentu, sesuatu hukum boleh berubah berdasarkan prinsip *maqasid* pensyariatian iaitu menjaga kemaslahatan dan menolak kemudaratan (al-Susauh, 2011). Sesuai dengan keperluan *maqasid*, fleksibiliti hukum akan meringankan pelaksanaan tuntutan taklif tanpa meninggalkannya secara total.

Meraikan *darurah* yang dialami sama ada pada sudut individu atau kelompok akan mengharuskan sesuatu yang dilarang daripada aspek pemakanan, pemakaian, akad muamalat dan sebagainya. Namun, hal ini tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya kerana untuk mengharuskan perkara dilarang memerlukan '*illat darurah* yang jelas serta terperinci. Bahkan kebanyakan daripada perkara tersebut berada pada posisi hajat yang menduduki tahap *darurah*. Hal ini adalah untuk memudahkan umat manusia serta mengangkat kesempitan dan kesukaran yang dialami (al-Qardawi, 2001). Keperluan memahami kedudukan sebenar bagi *darurah* ini adalah kerana betapa ramai pada masa kini yang menjadikan *darurah* sebagai alasan *fiqh waqi'e* (*fiqh* semasa) sehingga terjerumus dalam dosa dan kemaksiatan (al-Raisuni, 2007). Antaranya seperti keharusan muamalat dengan institusi riba, keharusan dalam bab aurat ketika menerima rawatan dan seumpamanya, tanpa melalui perincian *darurah* yang tepat.

Menurut al-Shatibi dan Ibn 'Abd al-Salam, antara penyebab kepada perubahan hukum syarak ialah *darurah* dan hajat (Ismail Kaukasal, 2000). Hal ini sesuai dengan tujuan pensyariatian iaitu mengutamakan *maslahah* yang lebih besar dan melakukan kemudaratan yang kecil untuk menolak kemudaratan yang lebih berat (Abdul Rahman al-Kailani, 2006). Perbincangan *maslahah* akan melibatkan *darurah* kerana ia sesuatu yang diperlu dijaga pada hak manusia untuk menghasilkan manfaat dan menolak kemudaratan tanpa mengasingkan penggunaan logik akal (al-Syatibi, 2003). Penilaian *darurah* salah satunya adalah daripada sudut penjagaan *maqasid* yang lima iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Kesan kepada *maqasid* ini akan merubah kedudukan asal hukum daripada '*azimah*¹ kepada *rukhsah*².

¹ Hukum *thabit* (tetap) yang tidak mempunyai dalil yang khilaf seperti hukum harus pada makan dan minum, atau hukum yang *thabit* yang mempunyai khilaf dalil tetapi tidak kerana keuzuran. Lihat Umar Abdullah Kamil (1999), *Al-Rukhsah al-Syari'yyah fi al-Usul wa al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dar Ibn Hazm, cet 1, h. 27

² Hukum yang *thabit* dengan khilaf dalil kerana keuzuran. Lihat *ibid*, h. 38



Dalam konteks semasa, penetapan sesuatu hukum yang berkaitan dengan *darurah*, akan dikaitkan dengan pematwaan. Penetapan hukum tersebut akan mempertimbangkan *maqasid shari'ah* dalam rangka mencapai kemaslahatan. Oleh itu, mereka yang terlibat dalam pengeluaran fatwa perlu mengkaji dan meneliti setiap masalah berdasarkan kaedah-kaedah dalam kerangka ijtihad (Wan Muhammad Abdul Aziz, 2006). Di peringkat kebangsaan, istilah bagi fatwa yang digunakan ialah keputusan muzakarah, memandangkan ianya berperanan sebagai penjelasan hukum (Mohd Daud Bakar, 1997) dan tidak diikat dengan undang-undang. Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada keputusan muzakarah yang berkaitan *darurah* dengan menganalisis keputusan-keputusan tersebut dan seterusnya mengkaji elemen *maqasid shari'ah* yang telah diambil kira. Ini kerana, kedudukan *maqasid shari'ah* adalah penting dalam penetapan hukum yang berkaitan dengan *darurah*. Pemilihan keputusan-keputusan muzakarah ini adalah kerana ianya berautoriti pada peringkat kebangsaan. Kajian kualitatif ini menggunakan data sekunder dalam pengumpulan data yang melibatkan dokumen-dokumen berkaitan dengan *darurah* serta keputusan muzakarah. Data yang diperolehi kemudian dianalisis dengan metode analisis kandungan.

JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

Institusi fatwa di Malaysia bermaksud satu badan yang beroperasi dalam pengurusan hukum mengenai masalah yang berkaitan dengan agama Islam di Malaysia (Hasnan Kasan, 2008). Terdapat dua institusi yang terlibat dalam pematwaan di Malaysia. Satu di peringkat kebangsaan iaitu Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia dan yang kedua Jabatan Mufti di setiap negeri. Sebanyak 14 buah institusi fatwa yang mewakili setiap negeri mempunyai seorang mufti yang bertindak sebagai ketua rujuk agama Islam dan mengetuai dalam perbincangan berkaitan hukum hakam agama.

Sejarah penubuhan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia ialah pada awal tahun 1970. Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja (Abdul Hamid@Yusoff bin Yunus, 1991). Sementara Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia (MKI), yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri merupakan badan penyelarasan di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968.

Jawatankuasa ini merupakan badan yang berperanan untuk membincang dan memberikan pandangan berkaitan hukum hakam di peringkat kebangsaan. Sejak penubuhannya, muzakarah/mesyuarat Jawatankuasa ini diurusetikan oleh Urusetia MKI (kemudian dipanggil sebagai Bahagian Hal Ehwat Islam dan sekarang JAKIM) dan tidak terdapat satu bahagian khusus yang berperanan sebagai urus setia dalam hal-hal berkaitan fatwa. Mesyuarat Pre-Council Majlis Raja-Raja pada 1 Julai 2008 dan Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-214 telah bersetuju supaya fungsi Jawatankuasa Fatwa MKI ini diperkukuhkan dari aspek pengstrukturannya. Pada Mesyuarat Pasca-



Kabinet Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 17 September 2008, persetujuan telah dicapai supaya urus setia kepada Jawatankuasa Fatwa MKI dinaik taraf dan diasingkan menjadi satu bahagian baru di JAKIM (<http://www.islam.my/node/26897>).

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah bersidang buat pertama kalinya pada 23 hingga 24 Jun 1970 yang dipanggil dengan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tersebut berlangsung sebanyak 18 kali dan yang terakhir diadakan pada 14 Mei 1980. Kemudiannya penggunaan perkataan Persidangan ditukar kepada perkataan Muzakarah. Maka pada tarikh 28 hingga 29 Jun 1981 diadakan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi kali pertama.

Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan mengikut pada Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia adalah menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja. Keanggotaan ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdiri daripada:

- i. Seorang pengerusi yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) dalam kalangan ahlinya.
- ii. Mufti di setiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam Hal Ehwal Agama Islam.
- iii. Lima orang alim ulama yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.
- iv. Seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Mengikut Perkara 13 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, tiap-tiap ahli melainkan pengerusi dan para mufti hendaklah daripada calon-calon yang diperakukan oleh Perdana Menteri, selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun, tetapi ia adalah layak dilantik semula. Ia hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja.

KEPUTUSAN-KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

Menurut Mahmud Zuhdi (2011), fatwa merupakan pernyataan terhadap ijtihad yang dilakukan. Justeru menjadi satu keperluan mana-mana fatwa dikritik oleh ulama lain dengan kritikan akademik untuk menjadikan fatwa tersebut lebih halus dan tepat dengan kebenaran (Mahmud Zuhdi, 2004). Menurut Abdul Monir Yaacob (2006) juga, kritikan ke arah penambahbaikan fatwa adalah tidak salah kerana fatwa mempunyai sifat yang anjal atau fleksibel bersesuaian dengan perubahan keadaan dan masa. Ini




juga kerana fatwa adalah kegiatan penting dalam membentuk pemikiran umat Islam dan juga dalam konteks perundangan Islam sesebuah negara (Mahamad Naser Disa, 2011).

Mahmud Zuhdi (2004) menegaskan bahawa fatwa Malaysia tidak bersifat akademik semata-mata, akan tetapi lebih bersifat kepada pandangan kerajaan yang memerintah. Manakala mufti pula merupakan penjawat awam yang ditugaskan dalam hal berkenaan. Sekalipun demikian, mufti tidak berautoriti sepenuhnya untuk mengeluarkan fatwa melainkan dibantu oleh jawatankuasa yang dilantik dalam tugas tersebut. Oleh kerana itu, berdasarkan Enakmen 10, Enakmen Mufti Dan Fatwa (Kedah Darul Aman) (2008), keterikatan fatwa dengan pewartaan akan dikira sebagai fatwa yang rasmi dan sah. Adapun pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang mufti tanpa melalui prosedur yang tertentu, dikira sebagai pandangan atau pendapat peribadi sahaja. Menurut Abdul Rahman Osman (2016), perubahan ini berlaku pada dekad lapan puluhan apabila mufti tidak lagi mengeluarkan fatwa secara bersendirian atas kapasitinya sebagai mufti. Sebaliknya, fatwa dibuat atas dasar musyawarah oleh sebuah jawatankuasa yang dibentuk (Mahamad Naser Disa, 2011).

Penetapan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa MKI adalah berbentuk penjelasan hukum yang tidak diikat dengan undang-undang. Namun daripada pandangan syarak, ia adalah fatwa tetapi dari sudut undang-undang tidak dapat dikuatkuasakan melainkan apabila negeri mewartakannya (Zaini Nasohah, 2005). Dalam buku Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (2015), dinyatakan bahawa keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI merupakan pandangan hukum yang bersifat kolektif daripada para mufti di Malaysia yang menganggotai jawatankuasa ini. Keputusan muzakarah yang dikeluarkan bermula pada tahun penubuhannya iaitu tahun 1970 sehingga tahun 2015 ialah sebanyak 330 keputusan.

Daripada sekalian keputusan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa MKI, beberapa kategori telah ditentukan. Kategori-kategori tersebut ialah aqidah, ibadah, muamalat/ekonomi, perubatan, zakat, munakahat, makanan/minuman, pakaian, haiwan dan sosial/syariah. Pembahagian kategori seumpamanya ini antara lain memudahkan pencarian dan juga lebih bersistematik. Taburan keputusan yang dikeluarkan berdasarkan kategori bermula daripada tahun 1970 sehingga 2015 ialah sebagaimana berikut:

Rajah 1: Taburan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Berdasarkan Kategori Dari Tahun 1970 Hingga 2015



Daripada rajah 1 tersebut, isu dalam kategori sosial/syariah adalah yang paling banyak iaitu sebanyak 79 keputusan (23.9%). Kemudian diikuti oleh kategori muamalat/ekonomi iaitu sebanyak 47 keputusan (14.2%). Kategori perubatan pula sebanyak 46 keputusan (13.9%) dan diikuti aqidah sebanyak 41 keputusan (12.4%). Manakala munakahat sebanyak 29 keputusan (8.8%), zakat 27 keputusan (8.2%), ibadah 25 keputusan (7.6%), haiwan 17 keputusan (5.2%), makanan/minuman 16 keputusan (4.8%), dan pakaian 3 keputusan (0.9%). Isu-isu tersebut menunjukkan kepelbagaian masalah yang timbul dalam masyarakat dan menjadi satu keperluan institusi ini untuk menjelaskan hukumnya sesuai dengan realiti di Malaysia serta berpaksikan acuan syarak.

ANALISIS KEPUTUSAN MUZAKARAH FATWA YANG BERKAITAN DENGAN DARURAH

Setelah diteliti keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI, sebanyak 49 keputusan yang berkaitan dengan isu *darurah* dapat dikenalpasti. Pemilihan keputusan-keputusan tersebut adalah berdasarkan kepada keputusan hukum yang dikeluarkan dengan *illat darurah* sama ada dibincangkan secara langsung atau pun sebaliknya. Skop *darurah* yang dipertimbangkan meliputi lima aspek *maqasid* yang utama iaitu agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

Kesemua keputusan tersebut adalah berdasarkan buku Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan juga kertas muzakarah. Keputusan-keputusan yang berkaitan dengan *darurah* tersebut, dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, isu *darurah* yang disertakan *illat darurah* dalam *sighah* keputusan.

Kedua, isu *darurah* yang tidak disertakan *illat darurah* dalam *sighah* keputusan tetapi dibincangkan dalam kertas muzakarah. Sebanyak 26 keputusan yang dapat dikenalpasti yang menyebut alasan *darurah* dalam *sighah* keputusan muzakarah. Sekalipun keputusan-keputusan muzakarah tersebut menyebut bentuk-bentuk *illat darurah* dalam *sighah* keputusan, namun tidak semua membahaskan *illat darurah* tersebut. Bahkan ada yang tidak mengemukakan hujah-hujah *darurah*. Dalam masa yang sama, beberapa kertas muzakarah bagi keputusan-keputusan tertentu tidak dapat diteliti kerana ketiadaan dalam rekod pihak yang berkenaan. Selain daripada ketiadaan rekod yang berkaitan, terdapat juga beberapa isu yang hanya mempunyai minit mesyuarat sahaja. Hal ini khususnya bagi isu-isu yang telah lama diputuskan hukumnya iaitu sekitar tahun 70an dan 80an. Keputusan-keputusan muzakarah yang tidak dapat ditelaah ialah:

- i. Sembahyang Jumaat polis dan tentera yang bertugas
- ii. Wang faedah
- iii. Suntikan *highly purified insulin* daripada babi
- iv. *Post mortem* mayat
- v. Penerimaan dan pemakaian anugerah yang dipanggil *grand cross*.

Selain itu, terdapat beberapa isu yang walaupun dinyatakan *illat darurah* dalam *sighah* keputusan, tetapi tiada hujah-hujah *darurah* yang dibincangkan dalam kertas muzakarah ialah:

- i. Pengurusan jenazah orang Islam yang disyaki atau disahkan dijangkiti virus
- ii. Ebola (*Ebola Virus Disease: EVD*) di Malaysia
- iii. Pengurusan pengebumian jenazah dalam kalangan warga Polis Diraja Malaysia
- iv. Hukum minyak ikan yang diproses tanpa dibuang perut atau najisnya.

Terdapat juga keputusan muzakarah yang hanya mengemukakan pendapat-pendapat *fuqaha'* mazhab empat dan juga pendapat beberapa ilmuan Islam lain tanpa dinyatakan hujah-hujah *darurah* yang berkenaan. Keputusan-keputusan tersebut ialah:

- i. Pembinaan kubur secara bertingkat
- ii. Penggunaan semula tanah perkuburan Islam
- iii. Gelatin dalam ubat.

Maka setelah diteliti dan dikenalpasti kesemua keputusan yang berkaitan dengan *darurah* tersebut, pengkaji hanya memilih sebanyak 31 keputusan untuk dianalisis secara terperinci memandangkan hanya keputusan-keputusan ini sahaja yang membahaskan hujah-hujah *darurah*. Selain daripada keputusan yang dipilih ini, keputusan-keputusan muzakarah yang lain tiada maklumat lengkap dan tiada perbahasan hujah *darurah* yang boleh dianalisis secara terperinci. Berikut merupakan keputusan-keputusan terpilih yang akan dianalisis secara terperinci dalam kajian ini:



Jadual 1: Senarai Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Yang Berkaitan Dengan Darurah Yang Dipilih


Bil.	Perkara	Kategori	Bil. JKF
1.	Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar ke Akaun KWSP yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik)	Mualamat/ Ekonomi	Muzakarah Kali Ke-108 (2015)
2.	Hukum Pendermaan Jasad Si Mati untuk Tujuan Penyelidikan	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-105 (2014)
3.	Kajian Terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)	Muamalat/ Ekonomi	Muzakarah Kali Ke-106 (2014)
4.	Hukum Penggunaan Vaksin <i>Meningitis Menveo</i>	Perubatan	Muzakarah Khas (2013)
5.	Hukum <i>Indelible Ink</i>	Sosial/ Syariah	Muzakarah Khas (2012)
6.	Hukum Menggunakan Pengimbas Badan di Lapangan Terbang	Sosial/ Syariah	Muzakarah Kali Ke-93 (2011)
7.	Hukum <i>Eutanasia</i> atau <i>Mercy Killing</i>	Sosial/ Syariah	Muzakarah Kali Ke-97 (2011)
8.	Hukum Memakan dan Berubat Dengan Cicak <i>Gekko Geckko</i> (Tokay)	Haiwan	Muzakarah Kali Ke-95 (2011)
9.	Hukum Penggunaan Penandaan Berdakwat bagi Pesakit Kanser	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-90 (2010)
10.	Hukum Pengambilan Vaksin <i>Human Papilloma</i> (HPV)	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-92 (2010)
11.	Hukum Memakai Mask (Penutup Muka dan Hidung) bagi Jemaah Haji dalam Ihram	Ibadah	Muzakarah Kali Ke-89 (2009)
12.	Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan <i>HIV</i> kepada Bakal Pengantin	Munakaha t	Muzakarah Kali Ke-87 (2009)
13.	Pelaburan dalam ASN, ASB dan Seumpamanya	Muamalat/ Ekonomi	Muzakarah Kali Ke-80 (2008)
14.	Hukum Pelaksanaan Takaful di Malaysia	Muamalat/ Ekonomi	Muzakarah Kali Ke-80 (2008)
15.	Hukum Khatan bagi Pesakit <i>Heamophilia</i> dan Kanak-kanak Cacat Akal	Sosial/ Syariah	Muzakarah Kali Ke-77 (2007)
16.	Hukum Pelaksanaan Ibadah bagi Pesakit yang Menggunakan Beg <i>Kolostomi</i>	Ibadah	Muzakarah Kali Ke-79 (2007)
17.	Hukum Menggunakan Kaedah Autopsi Maya sebagai Alternatif kepada Bedah Siasat Mayat	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-73 (2006)



18.	Hukum Menggunakan Alat-alat Bantuan untuk Tujuan Hubungan Kelamin	Munakaha t	Muzakarah Kali Ke-69 (2005)
19.	Hukum Pelupusan Buku Teks Pendidikan Islam Secara Kitar Semula (<i>Recycle</i>)	Sosial/ Syariah	Muzakarah Kali Ke-69 (2005)
20.	Hukum Pengklonan Terapeutik dan Penyelidikan Sel Stem (<i>Stem Cell</i>)	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-67 (2005)
21.	Hukum Bedah Siasat ke Atas Mayat yang Bukan Dikategorikan Kematian kerana Kes Jenayah	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-61 (2004)
22.	Suntikan Pelalian Vaksin <i>Meningococcal Meningitis</i> oleh Orang Islam	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-53 (2002)
23.	Hukum Menggugurkan Kandungan Mangsa yang Dirogol	Sosial/ Syariah	Muzakarah Kali Ke-52 (2002)
24.	Menggugurkan Janin Pembawa atau Penghidap Penyakit <i>Thalassemia</i>	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-52 (2002)
25.	Penggunaan Geraf Tisu dalam Amalan Perubatan	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-38 (1995)
26.	Hukum Bermuamalat dengan Bank-bank Perdagangan	Muamalat/ Ekonomi	Muzakarah Kali Ke-32 (1993)
27.	Pengguguran Kandungan kerana Kecacatan	Sosial/ Syariah	Muzakarah Kali Ke-26 (1990)
28.	Pemisahan Rawatan <i>Brain Death</i>	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-25 (1989)
29.	Pandangan Islam Terhadap Imunisasi <i>Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria, Tetanus</i> dan <i>Polio</i>	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-24 (1989)
30.	Pelalian Rubela (Imunisasi Rubela)	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-21 (1988)
31.	Derma Darah dan Penggunaan Darah Orang Islam kepada Orang Bukan Islam dan Sebaliknya	Perubatan	Muzakarah Kali Ke-4 (1982)

Memandangkan hanya keputusan yang dipilih tersebut sahaja yang akan dianalisis secara khusus, di sini dipaparkan taburan keputusan-keputusan tersebut dari aspek analisis tahun dan kategori, sebagaimana rajah berikut:

Rajah 2: Taburan Keputusan-keputusan Yang Berkaitan *Darurah* Dari Aspek Tahun Dan Kategori



Isu berkaitan dengan *darurah* yang paling banyak diselesaikan iaitu sebanyak 3 keputusan ialah pada tahun 2011, 2005 dan 2002. Diikuti pada tahun 2014, 2010, 2009, 2008, 2007 dan 1989 dengan masing-masing 2 keputusan. Manakala hanya 1 keputusan yang diputuskan ialah pada tahun 2015, 2013, 2012, 2006, 2004, 1995, 1993, 1990, 1988 dan 1982. Kekerapan isu *darurah* yang berlaku dapat dilihat dalam lingkungan tahun 2002 hingga 2015. Pengkaji berpendapat, hal ini didorong oleh perubahan zaman yang makin moden dan canggih. Menurut Muhammad Firdaus Nur Hadi (2003), faktor zaman yang berubah boleh memberi kesan kepada perubahan hukum khususnya dalam konteks keperluan dan hajat. Perbandingan ini dapat dilihat pada tahun 90an yang hanya 3 keputusan yang dikeluarkan dan ianya melibatkan 3 tahun sahaja iaitu tahun 1990, 1993 dan 1995. Manakala pada tahun 80an dengan 4 keputusan iaitu pada tahun 1989, 1988 dan 1982.

Dari aspek pengkategorian, sebanyak 6 kategori yang terlibat daripada 10 kategori-kategori yang telah diklasifikasikan untuk keputusan-keputusan muzakarah. Kategori tersebut ialah perubahan, muamalat/ekonomi, sosial/syariah, haiwan, ibadat dan munakahat. Keputusan-keputusan yang melibatkan bidang perubahan ialah sebanyak 14 keputusan (45.2%), muamalat/ekonomi sebanyak 5 keputusan (16.1), sosial/ syariah sebanyak 7 keputusan (22.6%), haiwan sebanyak 1 keputusan (3.2%) dan ibadat serta munakahat masing-masing sebanyak 2 keputusan (6.5%). Dari aspek hubungkait tahun dan kategori pula, dapat dibuat rumusan bahawa pada tahun 2000an iaitu dari tahun 2002 hingga 2015, kategori perubahan adalah yang paling banyak dikeluarkan keputusan muzakarah dan diikuti kategori sosial/syariah. Sebanyak 9 keputusan berkaitan dengan perubahan dan 6 keputusan yang berkaitan dengan sosial/ syariah.



Manakala pada tahun 90an, tiada perbezaan yang ketara kerana masing-masing dengan 1 keputusan bagi kategori perubahan, muamalat/ekonomi dan sosial/syariah. Bagi tahun 80an pula, kesemua keputusan adalah daripada kategori perubahan iaitu sebanyak 4 keputusan.

MAQASID DALAM PEMFATWAAN

Maqasid shari'ah ialah matlamat-matlamat pensyariatian untuk memastikan *maslahah* insan terpelihara (Muhammad Ahmad al-Qayathi, 2009). Umumnya perbahasan *maqasid* merujuk kepada tuntutan pentaklifan yang selaras dengan kehendak syarak. Ukuran untuk mengetahui kehendak syarak adalah melalui dua kaedah. Pertamanya melalui *al-sam'u* iaitu mendengar dan memahami ayat-ayat al-Quran serta Hadis-hadis. Contohnya seperti pujian syarak dengan sesuatu perbuatan, yang menjadi dalil bahawa perbuatan tersebut perlu dilaksanakan. Sekiranya terdapat celaan syarak bagi sesuatu perbuatan, ia menunjukkan larangan daripada melakukannya (al-Raisuni, 2015). Kedua, melalui pandangan mata hati dan atas dasar ini diutuskan para Rasul. Namun dalam masa yang sama dibukakan juga maksud syarak melalui penelitian kepada hikmah-hikmah terhadap sesuatu perkara (Muhammad 'Abdu, 2008).

Pentaklifan sesuatu tuntutan syarak berkisar kepada kemaslahatan di dunia serta akhirat. Ia juga merangkumi konteks semasa dan yang akan datang. Kemaslahatan yang diraikan akan melalui proses penolakan *darurah* atau kemudaratannya mengikut kesesuaian dan keadaannya. Oleh kerana itu, hakikat dalam pensyariatian menerusi *maqasid* ialah mendahulukan *maslahah* yang lebih besar. Dalam masa yang sama, kemudaratannya yang ringan dipilih bagi menolak kemudaratannya yang lebih besar (Abdul Rahman al-Kailani, 2006). Kajian daripada Japar bin Mat Dain@Maidin (2011), menegaskan bahawa pendapat yang hendak dijadikan sandaran dalam berfatwa hendaklah selaras dengan *maqasid shari'ah*. Hal yang sama dinyatakan oleh Abdul Majid Muhammad al-Susauh (2005), bahawa seorang mufti perlu meraikan keadaan-keadaan semasa masyarakat terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan *daruriyyat*, keuzuran dan seumpamanya. Justeru itu, mufti perlu bijak memahami dan memilih pendapat yang terbaik daripada sekalian pendapat-pendapat para mujtahid bagi mengelak kecelaruan dalam menetapkan hukum.

Menurut al-Shatibi (2005), skop perbahasan *darurah* melalui *maqasid* ini juga, difokuskan terhadap *kulliyat al-khams*. Ini kerana, ulama bersepakat bahawa syariat diturunkan adalah untuk menjaga lima perkara asas iaitu agama, jiwa, keturunan, harta dan akal. Kedudukan agama adalah untuk menjadikan manusia bersistem dalam kehidupan dunia mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Islam merupakan agama yang menjaga keseluruhan aspek kehidupan manusia demi mencapai kesejahteraan akhirat. Oleh kerana itu, menjaga agama adalah lebih diutamakan dan kerana ini syarak menolak kerosakan yang berlaku pada agama (Abdul Aziz Mustapha Kamil, 1995). Tuntutan kemudahan, *raf'u al-haraj* serta tidak melampau dalam Islam adalah salah satu daripada konsep menjaga agama yang dimatlamatkan dalam *maqasid* ('Abdul Majid al-Najjar, 2008). Islam akan dilihat satu agama yang tidak menekankan umatnya sehingga menyusahkan dalam pelaksanaan



sesuatu tuntutan dan menjadikan agama ini senang diikuti dan diamalkan. Dengan penjagaan jiwa, termasuk padanya penjagaan akal kerana dengan menjaga jiwa itu adalah asas bagi terjaganya akal (al-Raisuni, 2015).

Islam mendahulukan menolak kemudaratan daripada meraikan kemaslahatan (Abdul 'Aziz Mustapha Kamil, 1995). Justeru itu, hubungkait *kulliyat al-khams* dengan *darurah* dapat dilihat dengan terkesannya salah satu daripada *kulliyat* tersebut dengan sebarang kemudaratan. Sekiranya memudaratkan *kulliyat al-khams*, ia akan memberi kesan kepada perjalanan duniawi dalam konteks *daruriyyat*. Oleh kerana itu, sebarang kemudaratan yang menimpa *kulliyat al-khams* perlu dihilangkan dan sebarang kemudaratan yang akan menyimpannya perlu dihalang.

ANALISIS DARURAH MENURUT MAQASID SHARI'AH

Daripada kesemua keputusan tersebut, penekanan kepada beberapa aspek utama bagi penentuan hukum yang mempunyai *'illat darurah* dapat dikenal pasti. Aspek yang dimaksudkan adalah daripada sudut *kulliyat al-khams* dalam *maqasid shari'ah* iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Penjagaan *kulliyat al-khams* disebut dalam kertas muzakarah dan juga *sighah* keputusan muzakarah. Namun ada juga yang tidak disebut secara jelas tetapi daripada hujah dan penjelasan yang dikemukakan dapat dilihat kecenderungan sesuatu isu terhadap *kulliyat al-khams* yang tertentu. Penekanan kepada *kulliyat al-khams* ini bukan sahaja tertumpu kepada satu aspek bagi satu isu. Bahkan ada isu-isu tertentu yang melibatkan beberapa aspek *kulliyat al-khams* tersebut. Berikut adalah aspek *kulliyat al-khams* dalam keputusan-keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah*:

Penjagaan Agama

- i. Hukum Pelupusan Buku Teks Pendidikan Islam Secara Kitar Semula (*Recycle*)
- ii. Kajian Terhadap Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (*GST*)
- iii. Hukum Pelaksanaan Ibadah Bagi Pesakit Yang Menggunakan Beg *Kolostomi*

Penjagaan jiwa/ nyawa

- i. Hukum Memakai *Mask* (Penutup Muka Dan Hidung) Bagi Jemaah Haji Dalam *Ihram*
- ii. Hukum Menggunakan Pengimbas Badan Di Lapangan Terbang
- iii. Hukum *Eutanasia* Atau *Mercy Killing*
- iv. Hukum Pengambilan Vaksin *Human Papilloma* (*HPV*)
- v. Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Menveo*
- vi. Hukum Khatan Bagi Pesakit *Heamophilia* Dan Kanak-kanak Cacat Akal
- vii. Hukum Bedah Siasat Ke Atas Mayat Yang Bukan Dikategorikan Kematian Kerana Kes Jenayah
- viii. Hukum Menggugurkan Kandungan Mangsa Yang Dirogol
- ix. Pengguguran Kandungan Kerana Kecacatan
- x. Hukum Pengklonan *Terapeutik* Dan Penyelidikan Sel Stem (*Stem Cell*)
- xi. Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (*KWSP-Islamik*)



- xii. Hukum Pendermaan Jasad Si Mati Untuk Tujuan Penyelidikan
- xiii. Hukum Memakan Dan Berubat Dengan Cicak Gekko Geckko (Tokay)
- xiv. Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan *HIV* Kepada Bakal Pengantin
- xv. Suntikan Pelalian Vaksin *Meningococcal Meningitis* Oleh Orang Islam
- xvi. Menggugurkan Janin Pembawa Atau Pengidap Penyakit *Thalassemia*
- xvii. Hukum Menggunakan Kaedah Autopsi Maya Sebagai Alternatif Kepada Bedah Siasat Mayat
- xviii. Derma Darah Dan Penggunaan Darah Orang Islam Kepada Orang Bukan Islam Dan Sebaliknya
- xix. Pandangan Islam Terhadap Imunisasi Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria, Tetanus Dan Polio
- xx. Penggunaan Geraf Tisu Dalam Amalan Perubatan
- xxi. Pemisahan Rawatan *Brain Death*
- xxii. Pelalian Rubela (Imunisasi Rubela)

Penjagaan Akal

- i. Hukum Khatan Bagi Pesakit *Heamophilia* Dan Kanak-kanak Cacat Akal
- ii. Pengguguran Kandungan Kerana Kecacatan

Penjagaan Keturunan


- i. Hukum Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem (*Stem Cell*)
- ii. Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik)
- iii. Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan *HIV* Kepada Bakal Pengantin
- iv. Hukum Menggunakan Alat-alat Bantuan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin

Penjagaan Harta

- i. Pelaburan Dalam ASN, ASB Dan Seumpamanya
- ii. Hukum Pelaksanaan Takaful Di Malaysia
- iii. Hukum Bermuamalat Dengan Bank-bank Perdagangan
- iv. Menggugurkan Janin Pembawa Atau Pengidap Penyakit *Thalassemia*
- v. Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik)
- vi. Pemisahan Rawatan *Brain Death*

Penelitian dan penekanan terhadap *kulliyat al-khams* adalah penting dalam memastikan *maqasid* dalam sesuatu tuntutan taklif tercapai. Penekanan kepada aspek *kulliyat al-khams* juga amat ketara memandangkan pertimbangannya amat penting untuk pengeluaran hukum semasa. Kemudaratan terhadap *kulliyat al-khams* mampu memberi perubahan hukum daripada '*azimah* kepada *rukhsah*. Apabila terdapat sebarang kemudaratan yang menimpa atau yang akan menimpa kepada salah satu daripada *kulliyat al-khams*, maka perubahan hukum akan berlaku untuk menjaga kemaslahatan mukallaf. Di sini menunjukkan bahawa pentingnya gabungan *maqasid shari'ah* dengan realiti semasa masyarakat dalam proses mengeluarkan hukum (Alias Azhar *et al*, 2017). Berikut merupakan jadual taburan bagi kekerapan keputusan muzakarah dari aspek penilaian *maqasid shari'ah*:

Rajah 3: Taburan Kekerapan Keputusan Muzakarah Berdasarkan Penilaian *Maqasid Shari'ah*



Penganalisan dari sudut *kulliyat al-khams* dan kategori sebagaimana rajah di atas, dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama, analisis berkaitan dengan bilangan *kulliyat al-khams* dalam setiap kategori dan bahagian kedua ialah analisis bilangan keputusan muzakarah dalam setiap elemen *kulliyat al-khams*. Bagi bahagian yang pertama, penekanan *kulliyat al-khams* berdasarkan kategori perubatan melibatkan aspek nyawa, keturunan dan juga harta. Bagi kategori sosial/syariah pula melibatkan aspek agama, nyawa dan akal. Untuk kategori muamalat/ekonomi, aspek agama, nyawa, keturunan dan harta. Kategori munakahat pula melibatkan aspek nyawa dan keturunan. Kategori ibadah melibatkan agama serta nyawa dan kategori haiwan hanya melibatkan nyawa sahaja.

Manakala bahagian yang kedua pula, aspek penjagaan nyawa adalah paling banyak iaitu sebanyak 22 keputusan. Aspek ini paling banyak ditekankan dan ia menunjukkan kedudukan nyawa penting untuk dipertimbangkan pada sudut pelaksanaan syariat. Kemudian diikuti aspek penjagaan harta dengan 6 keputusan, penjagaan keturunan dengan 4 keputusan, penjagaan agama dengan 3 keputusan dan penjagaan akal dengan 2 keputusan. Kesesuaian penekanan elemen-elemen *kulliyat al-khams* dapat dilihat dalam beberapa kategori tertentu. Penekanan aspek *kulliyat al-khams* yang paling banyak dalam kategori perubatan ialah penjagaan nyawa. Ini sesuai dengan konteks perubatan yang menekankan aspek penjagaan kesihatan. Begitu juga dengan aspek penjagaan harta yang banyak melibatkan kategori muamalat/ekonomi. Bagi kategori munakahat pula, penekanan adalah kepada aspek keturunan.



Walaupun bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa penekanan kepada aspek *kulliyat al-khams* ini perlu diperjelaskan secara terperinci khususnya bagi isu-isu yang berkaitan dengan *darurah*. Ini sebagai salah satu kekuatan dalam hujah *darurah* yang digunakan oleh jawatankuasa. Dalam masa yang sama, peranan *maqasid syari'ah* mampu dilihat sebagai elemen penting bagi pengeluaran hukum terutama yang berkaitan dengan isu-isu semasa.

KESIMPULAN

Jawatankuasa Fatwa MKI merupakan badan yang berautoriti dalam memberikan penjelasan hukum di peringkat kebangsaan. Badan ini antara tempat rujukan sebagai penjelas hukum bagi kekeliruan yang berlaku dalam konteks negara Malaysia. Perhimpunan para mufti daripada seluruh negeri memberikannya kekuatan kerana keterlibatan para ilmuan yang diiktiraf secara rasmi bagi menyelesaikan permasalahan semasa. Justeru, bagi membuktikan bahawa hukum yang diputuskan adalah tuntas dan bersesuaian dengan konteks semasa, maka metode penghujahannya perlu diselidiki. Hal ini bukan untuk menafikan keilmuan para pakar yang dilantik untuk memutuskan sebarang hukum, akan tetapi sebagai penilaian bahawa sandaran dan aplikasi hujah yang digunakan bertepatan dengan prosedur pengeluaran hukum. Maka skop kajian ini menjurus kepada salah satu aspek pertimbangan hukum yang diaplikasikan oleh jawatankuasa iaitu aspek *maqasid shari'ah* dan keputusan-keputusan yang berkaitan dengan *darurah*.

Perbahasan berkaitan dengan *maqasid shari'ah* sememangnya signifikan dalam pelbagai aspek syariat Islam. Rangkumannya yang melibatkan *daruriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat* ditekankan sebagai ukuran dalam penentuan tahap penjagaan syarak bagi sesuatu perkara. Elemen-elemen *kulliyat al-khams* yang terdiri daripada agama, jiwa, akal, keturunan dan harta, dijadikan sebagai penanda aras kepada tujuan sesuatu pensyariaan. Dalam masa yang sama, elemen-elemen tersebut dijadikan ukuran untuk menentukan sesuatu perkara dikira telah berada dalam situasi *darurah*.

Elemen ini diambil kira dalam pengeluaran fatwa di Malaysia, khususnya di bawah Jawatankuasa Fatwa MKI. Hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa keputusan-keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah* menekankan aspek *maqasid shari'ah* terutama dalam *kulliyat al-khams* iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Dapatan juga menunjukkan bahawa jawatankuasa mengaplikasikan *kulliyat al-khams* sesuai dengan isu yang berlaku. Secara keseluruhan, kajian ini telah mengemukakan keputusan-keputusan muzakarah daripada tahun 1970 sehingga 2015 yang berkaitan dengan *darurah*. Selain itu juga, elemen *kulliyat al-khams* dalam perbahasan *maqasid shari'ah* telah ditonjolkan melalui aplikasinya oleh jawatankuasa bagi mengeluarkan hukum yang berkaitan dengan *darurah*.



RUJUKAN

- Abdul Hamid@Yusoff bin Yunus. 1991. *Ijtihad dan Amalannya Dalam Pembinaan Fatwa di Malaysia*. Disertasi sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abdul Monir Yaacob. 2006. *Kepelbagaian Fatwa: Kekuatan Atau Kelemahan?*. Dalam *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-negara Asean*. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Dunia Universiti Sains Islam Malaysia, cet. 1.
- Abdul Aziz Mustapha Kamil. 1995. *Al-Hukmu wa al-Tahakum fi Khitab al-Wahyi*. Riyadh: Dar Tayyibah. Cet. 1. Juz 1.
- Abdul Rahman Osman. 2016. *Mufti Tak Bersendirian Keluar Fatwa*. Diperolehi daripada <http://www.bharian.com.my/node/155900>. Tarikh akses pada 19 Januari 2017.
- Al-Kailani, Abdul Rahman. 2006. *Al-Qawa'id al-Usuliyah wa al-Fiqhiyyah wa 'Alaqatuha bi Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Dalam *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah Dirasat fi Qadaya al-Manhaj wa Majalat al-Tatbiq*. United Kingdom: Muassasah al-Furqan Li al-Turath al-Islami Markaz Dirasat Maqasid al-Shari'ah al-Islamiah. Cet. 1.
- Al-Najjar, 'Abdul Majid. 2008. *Maqasid al-Shari'ah bi Ab'ad Jadidah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami. Cet. 2.
- Al-Qayathi, Muhammad Ahmad. 2009. *Maqasid al-Shari'ah 'inda al-Imam Malik Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Kaherah: Dar al-Salam. Jil.1. Cet. 1.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2001. *Fiqh al-Aulawiyat Dirasat Jadidah Fi Dhui al-Quran wa al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Cet. 1.
- Al-Raisuni, Ahmad. 2015. *Nazariyyat al-Maqasidi 'inda al-Imam al-Shatibi*. Kaherah: Dar al-Kalimah. Cet. 5.
- _____. 2007. *Al-Taisir al-Fiqhi Mashru'iyatuhu wa Dawabituhu wa 'Awaiduhu*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Cet. 1.
- Al-Susauh, Abdul Majid Muhammad. 2005. *Dawabit al-Fatwa fi al-Qadaya al-Mu'asirah*. Dalam *Majallah al-Shari'ah Wa al-Dirasat al-Islamiah*. Kuwait: Jami'ah Kuwait.
- _____. 2011. *Buhuth Mu'asirah fi Usul al-Fiqh*. Oman: Dar al-Masirah. Cet. 1.
- Al-Syatibi. 2003. *Al-I'tisam*. Tahqiq Syed Ibrahim. Kaherah: Dar al-Hadith.
- _____. 2005. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Kaherah: Dar al-Hadith. Jil. 1.



- Al-Zuhaili, Wahbah. 1985. *Nazariyyat al-Darurah al-Shariyyah Muqaranah ma'a Qanun al-Wad'ie*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Cet.2.
- Alias Azhar, et al. 2017. Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqasid Syariah: Satu Tinjauan. Dalam *Jurnal Ulum Islamiyyat*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. Vol. 20.
- Enakmen 10, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman). 2008.
- Hasnan Kasan. 2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Cet. 1.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) <http://www.islam.gov.my/bahagian-media/686-profil>. Tarikh akses 28 Jun 2018.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) <http://www.islam.my/node/26897>. Tarikh akses 13 Januari 2017.
- Japar bin Mat Dain@Maidin. 2011. *Analisis Metode Fatwa Muamalat Oleh Mufti Kerajaan Brunei Dari Tahun 1962-2006*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ismail Kaukasal. 2000. *Taghayyur al-Ahkam fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. 2015. Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Cet. 5.
- Mahmod Zuhdi. 2011. Ijtihad dan Fatwa Kontemporari Keperluan Kepada Fiqh Semasa Berorientasikan Tempatan. Dalam *Monograf al-Ifta' Siri 2*. Bahagian Pengurusan Fatwa. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Cet.1.
- Mahmod Zuhdi. 2004. *Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia*. Jurnal Syariah. Jabatan Syariah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Bil. 12.
- Mahamad Naser Disa. 2011. Ke Arah Penyelarasan dan Penyatuan Pandangan Dalam Pengeluaran Hukum di Malaysia: Perspektif Perundangan. Kertas kerja Muzakarah Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia Kali Pertama. The Legend Hotel Kuala Lumpur 29-31 Mac 2011. Dalam *Monograf al-Ifta' Siri 2*. Bahagian Pengurusan Fatwa. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Cet.1.
- Muhammad 'Abdu. 2008. Al-Maqasid Qiblah al-Mujtahidin: Abu Hamid al-Ghazali Namuzajan. Dalam *Maqasid al-Syari'ah Wa al-Ijtihad Buhuth Manhajiyah Wa Namaziju Tatbiqiyah*. Taqdim Ahmad Zaki Yamani. London: Muassasah al-Furqan Li al-Turath al-Islami. Cet. 1.



- Muhammad Firdaus Nur Hadi. 2003. *Atharu al-Zuruf al-Ijtima'iyyah 'ala al-Fatawa al-Syar'iyyah: Malizia Namuzajan*. Universiti Islam Antarangsa Malaysia. Cet. 1.
- Mohd Daud Bakar. 1997. Instrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam. *Jurnal Syariah*. Bahagian Pengajian Syariah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Jil. 5. Bil. 1.
- Umar Abdullah Kamil 1999, *Al-Rukhsah al-Syari'yyah fi al-Usul wa al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dar Ibn Hazm, cet 1.
- Wan Muhammad bin Abdul Aziz. 2006. Ke Arah Kerjasama ASEAN Dalam Pengurusan Fatwa: Pengalaman MABIMS. Dalam *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-negara Asean*. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Dunia Universiti Sains Islam Malaysia. Cet. 1.
- Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia, *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Bil. 27.